

## UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA MERASMIKAN PEMBUKAAN PAMIRAN KEBU- DAYAAN ISLAM DI MUZIUM NEGARA, KUALA LUMPUR PADA 7<sup>HB</sup> NOVEMBER, 1971

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dapat merasmikan pembukaan Pamiran Kebudayaan Islam anjuran Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia bersempena dengan waktu pertandingan Membaca AL-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa yang sedang berlangsung sekarang ini.

Kita mengadakan Pamiran ini adalah bertepatan sekali kerana membolehkan umat Islam dari seluruh negara, malah dari beberapa negara Islam yang mengambil bahagian dalam Pertandingan ini untuk bersama-sama datang melihat Pamiran ini. Saya yakin Pamiran ini dapat mencapai tujuannya untuk menarek orang ramai melihatnya.

Pamiran Kebudayaan Islam ini dijayakan dengan kerjasama Bahagian Pengeluaran Visual Jabatan Penerangan Malaysia, Lembaga Urusan dan Tabung Haji dan Muzium Negara. Ini adalah sebagai lanjutan dari Pamiran Perkembangan Islam yang kita adakan tahun lepas di Masjid Negara. Saya telah mengarahkan Setiausaha Majlis Kebangsaan Islam supaya menjadikan thema Pamiran pada tahun ini berkaitan dengan "Islam, Peranannya dalam Perkembangan Ilmu Pengetahuan, Sains dan Teknologi".

Pada hemat saya, thema ini adalah tepat dan sesuai sekali dengan masa dan suasana hari di mana segala kehidupan negara dan bangsa adalah digiatkan ke arah mencapai kemajuan melalui sains dan teknologi. Dalam hal ini adalah sangat mustahak bagi kita untuk memberi fahaman yang sebenarnya tentang Islam, terutama dalam hubungannya dengan sains dan teknologi supaya Islam tidak disalah ertikan sebagai ugama yang menyekat penganut-penganutnya dari berusaha mencapai kemajuan dan kesejahteraan hidup di dunia ini.

Pada masa-masa yang lalu ada beberapa pihak yang mendakwa bahawa di antara Islam dan sains dan teknologi itu adalah dua unsur yang bertentangan sama sekali. Bahkan mereka mendakwa

bahawa mempelajari sains dan teknologi itu adalah mengingkari kuasa Allah. Sebenarnya dakwaan ini timbul oleh sebab salah tafsir tentang ajaran-ajaran ugama dan juga kerana pihak-pihak tersebut tidak faham tentang ilmu sains dan teknologi itu sendiri.

Jauh dari mengingkari kekuasaan Allah yang mutlak itu, pengetahuan dalam ilmu sains dan teknologi boleh menguatkan iman seseorang itu sebab ia membuka pintu hati bagi mereka yang insaf dan yang menggunakan akan fikirannya tentang betapa halus dan telitinya kejadian-kejadian Allah itu. Dalam hal ini marilah kita mengkaji sepotong ayat suci Al-Quran iaitu ayat 164 Surah Al-Baqarah yang bermaksud:

“Sesungguhnya tentang kejadian langit dan bumi, berbeza-beza malam dan siang, kapal yang berlayar di lautan membawa barang yang berfaedah bagi manusia, hujan yang diturunkan Allah dari langit, maka dihidupkannya bumi yang telah mati, berkeliaran di atasnya bermacam-macam binatang, angin yang bertiup dan mega (awan) yang terbentang antara langit dan bumi, sesungguhnya segala yang tersebut itu menjadi bukti atas kekuasaan Allah.”

Adalah nyata dari petekan yang saya sebutkan itu, malah banyak lagi ayat-ayat Al-Quran yang lain, bahawa pengetahuan tentang sains dan teknologi bukan sahaja tidak menjauhkan seseorang dari Tuhannya, bahkan ia boleh mendorong seseorang itu untuk lebih rapat dan takwa kepada Tuhan.

Oleh itu, saya ingin mengambil kesempatan untuk menyeru kepada sekalian kaum Muslimin dan Muslimat supaya tidak ragu-ragu lagi tentang hubungan antara sains dan teknologi dengan ugama Islam kita. Kepada ibu-ibu bapa pula, adalah baik minat untuk memperlajari sains dan teknologi ini disemaikan pada anak-anak mereka supaya menjadi sehati dengan cara berfikir mereka di masa hadapan. Saya telah juga mengarahkan pakar-pakar pendidikan kita supaya mengkaji dan menyusun semula pengajaran Sains dan Hisab di sekolah-sekolah supaya kedua-dua mata-pelajaran ini tidak lagi menjadi mata-pelajaran yang ditakuti oleh anak-anak Melayu.

Satu perkara lagi yang menjadi salah faham setengah orang termasuklah belia-belia tentang Islam ialah ada pihak-pihak yang mengatakan Islam itu ugama yang kolot atau yang sudah ketinggalan zaman. Sebenarnya Islam sebagai ugama yang diutuskan

Allah melalui Nabi Besar Muhammad s.a.w. tidak pernah usang dan tidak pernah ketinggalan zaman (out of date). Ugama Islam sebagai "al din" yang sempurna dan yang merangkumi segala bidang hidup manusia adalah sentiasa segar dan sesuai untuk segala zaman, segala tempat dan dalam segala keadaan.

Kita sedia maklum bahawa walaupun Islam mula-mulanya diturunkan di Tanah Arab, tetapi ini bukan bermakna ianya diturunkan untuk orang-orang Arab sahaja, bahkan Islam adalah satu ugama yang diturunkan untuk semua umat manusia di mana-mana sahaja. Konsep universalisma dalam Islam adalah satu konsep yang asasi dan satu konsep yang menyebabkan Islam itu tersebar luas ke mana-mana ceruk dunia ini. Bagi kita di Malaysia pada zaman serba kemajuan ini, terpulanglah kepada kita untuk mempergunakan ajaran Islam itu sebaik-baiknya bagi membangun Bangsa dan Negara kita.

Seperti saya katakan tadi, Islam adalah sesuai untuk semua zaman dan dalam segala keadaan. Ini mustahak sekali dijelaskan sebab ada timbul anggapan-anggapan yang salah di kalangan setengah orang bahawa Islam tidak sesuai untuk zaman ini kerana ia menyekat penganut-penganutnya dari mencapai kemajuan material di dunia. Ini tidaklah benar terutama kalau kita sentiasa ingat bahawa Islam diturunkan oleh Allah untuk membawa kebahagiaan kepada semua manusia. Tetapi dalam zaman yang serba maju ini, adalah mustahak orang-orang Islam menyesuaikan kehidupan mereka dengan keadaan zaman sambil mengerjakan suruhan Allah sebagai umat Islam yang taat kepada perintah-perintahNya.

Anggapan yang salah tadi adalah merbahaya, terutama bagi Malaysia hari ini, sebab ia boleh menyekat penyertaan orang-orang Melayu di dalam berbagai-bagai rancangan pembangunan yang dilancarkan oleh Kerajaan.

Sebaliknya, dengan memberi gambaran yang betul tentang hubungan antara Islam dan pembangunan serta bagaimana Islam memberi dorongan bagi pengikut-pengikutnya untuk berusaha bagi mencapai kemajuan di bidang ekonomi dan sosial, maka sudah tentu pula boleh menolong Kerajaan untuk mendapat "response" yang baik dari rakyat untuk sama-sama menyambut cabaran bagi menjayakan Rancangan Malaysia Kedua.

Dalam hubungan ini, saya sukacita bahawa dalam Pamiran ini ada beberapa petikan dari ayat suci Al-Quran yang berkaitan dengan pembangunan dan sains dan teknologi. Ini adalah satu langkah yang bijak kerana dapat memberi pengertian bahawa Islam adalah agama yang hidup dan menggalakkan umatnya untuk mengejar kemajuan.

Satu perkara lagi yang ingin saya sentuh ialah tentang hubungan antara Pamiran Kebudayaan Islam ini dengan usaha-usaha dakwah yang dijalankan oleh Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam. Saya gembira bahawa Majlis Kebangsaan telah melangkah setapak lagi ke hadapan dalam usaha dakwah Islamiyah iaitu dengan tertubuhnya Instituti Dakwah Islam di Masjid Negara, walaupun dengan secara sederhana sahaja. Pamiran ini boleh dijadikan sebagai satu langkah dakwah iaitu dalam bentuk yang boleh dilihat dengan mata seperti gambar-gambar, rajah-rajah dan statistik-statistik. Inilah cara yang baik sebab kita sepatutnya mempergunakan apa sahaja kemudahan yang ada pada kita untuk menyebarkan ajaran Islam.

Kalau dahulu Islam hanya disebarkan melalui pengajaran-pengajaran di Madrasah dan sekolah-sekolah pondok, maka sekarang sudahlah tiba masanya untuk kita menggunakan cara dan alat-alat baru dalam usaha dakwah itu. Antara alat-alat yang baru yang boleh digunakan untuk dakwah ini, saya syurkan supaya digunakan kereta-kereta wayang gambar dan alat-alat sebaran am supaya sesuai dengan selera (taste) orang pada masa sekarang ini, terutama golongan belia.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak penganjur Pamiran ini, terutamanya Bahagian Pengeluaran Visual Jabatan Penerangan, Muzium Negara dan Lembaga Urusan dan Tabung Haji kerana telah sama-sama menjayakan Pamiran ini.

Begitu juga saya ucapkan terima kasih kepada kedutaan-kedutaan negara sahabat-sahabat yang telah menyumbangkan bahan-bahan tertentu dari negara mereka untuk dipamerkan di sini. Antara negara-negara sahabat yang telah bekerjasama untuk menjayakan Pamiran ini ialah Kerajaan Republik Arab Mesir, Iran, Morrokko, Jordan, Negeri Belanda, Britain, Germany,

Pakistan, India, Filipina, Senegal dan Arab Saudi. Atas Kerjasama mereka itu saya atas nama Kerajaan dan rakyat Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan.

Marilah kita berdoa semoga Allah mengurniakan taufik dan hidayahNya kepada kita semua dalam usaha-usaha kita ini. Saya dengan ucapan Bismillahi-r-Rahmani-r- Rahim mengistiharkan Pamiran ini dibuka dengan rasminya.